



UPM Dahului IPTA Lain Dengan 514 Projek R&D



Seorang penyelidik UPM menerangkan penyelidikan kepada pelajarinya.

KUALA LUMPUR, 30 Dis - Universiti Putra Malaysia (UPM) mendahului Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain dengan menjalankan sebanyak 514 projek hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah Skim Penyelidikan Fundamental (FRGS).

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou Kok Chung menjelaskan perkara tersebut mengikut rekod dari tahun 2006 hingga 2008 semasa persidangan di Parlimen baru-baru ini.

"Ini diikuti Universiti Sains Malaysia (348 projek R&D), Universiti Kebangsaan Malaysia (345), Universiti Teknologi Malaysia (328) dan Universiti Malaya (278)," katanya.

Beliau berkata sebanyak 56 produk R&D oleh IPTA berjaya dikomersialkan dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM44.3 juta sehingga Jun lalu.

"Sebanyak 311 produk pula mempunyai potensi untuk dikomersialkan," katanya.

Hou berkata kementerian memberi penekanan yang serius dalam bidang R&D di institusi pengajian tinggi dan menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi menjana lebih banyak aktiviti dan pengkomersialan hasil R&D.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.